



Ruj Kami: KPT(JPS)100-4/2(12)
Tarikh : 3 Januari 2008

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Y.Bhg. Tan Sri/Dato²/Datuk/Datin/Profesor/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA,
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BIL 7/2007**

**Pemberitahuan Berhubung Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian
Pengajian Tinggi**

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Eksekutif di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta berhubung Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi.


2. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi, mengucapkan terima kasih di atas komitmen yang diberi oleh institusi tuan/puan yang telah menyertai Kajian Pengesanan Graduan 2007.
3. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ingin memohon kerjasama graduan IPTS terlibat dalam kajian ini pada tahun 2008. Antara fokus utama ialah perkembangan graduan dalam alam pekerjaan. Matlumut ini akan membantu IPTS merancang program menambahbaik aspek kebolehpasaran graduan. Data asas kajian ini akan diberi kepada semua institusi terbabit supaya mereka boleh membuat analisis dan penambahbaikan, selain melakukan penanda aras sendiri.
4. Sebarang pertanyaan mengenai Kajian ini sila menghubungi pihak kami di talian 03-88835958 atau emel ke alamat tracer_ipts@mohe.gov.my

5. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg.Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SEKTOR PENGURUSAN IPTS PENJANA PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA”



(DR MOHAMED RASHID BIN NAVI BAX)

Timbalan Ketua Pengarah,

Sektor Pengurusan IPTS,

Jabatan Pengurusan IPT,

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

s.k Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Said
Ketua Pengarah
Kementerian Pengajian Tinggi

Y. Bhg. Prof. Dr. Md. Yusof bin Abu Bakar
Kementerian Pengajian Tinggi

Pengarah
Bahagian Perhubungan Industri & Pengkomersilan
Jabatan Pengajian Tinggi